

STRUKTUR SEMANTIK KATEGORI “ADA” BERDASARKAN STRUKTUR KONSEPTUAL LEKSIKAL

Mohd. Azemi Mohd. Yusoff

Abstrak

Kategori “ada” mempunyai pelbagai tanggapan. Ahli bahasa berpendapat bahawa “ada” ialah kategori pemeriksa yang memerikan entiti₁ dengan entiti₂, seperti mempunyai... Ada yang berpendapat bahawa kategori “ada” mempunyai identiti tersendiri dan boleh membentuk struktur ayat tanpa subjek. Misalnya, *Ada udang di sebalik batu; Ada lurah di sebalik gunung* dan sebagainya. Kepelbagaiannya tanggapan ini memerlukan satu pemerincian khusus. Oleh itu, makalah ini mengupas dan memerinci kategori “ada” berdasarkan struktur semantik leksikal.

Abstrac

The category of “ada” has various assumptions. Linguists consider “ada” as a verb-to-be category which express entiti₁ to entiti₂ such as have. There are those who feels that the category of “ada” has its own identity and is able to form sentence structure without a subject, for instance, Ada udang di sebalik batu: Ada lurah di sebalik gunung and etc. This variety of assumptions needs a special scrutiny. Hence, this article deals and scrutinizes the category of “ada” based on the lexical semantic structure.

PENDAHULUAN

Za‘ba (1958) menjelaskan bahawa kategori “ada” ialah kategori kata kerja tidak terang yang memerlukan penerang.

1. a. Ia ada di situ.
b. Ia ada emak lagi.
c. Ayahnya ada datang.

(Za‘ba, 1958:105)

Kategori "di situ" dan "datang" dalam (1a dan 1c) ialah penerang bagi kategori ada, manakala kategori "emak" dalam (1b) pula ialah FN objek. Oleh itu, kategori "Ada" boleh transitif dan tidak transitif. Walau bagaimanapun, Ramli Salleh (1995:21) menjelaskan bahawa kategori "ada" ialah kategori pemeri yang berperilaku sebagai kategori kata kerja utama, iaitu memerikan entiti₁ dengan entiti₂.

2. a. Mary ada(lah) pandai.
- b. Mary ada(lah) seorang murid.

(Ramli Salleh, 1995:22)

Kategori "ada" dengan penegasan +lah dalam (2a dan 2b) menunjukkan pemerian, dan sekali gus sebagai pembentuk kerangka struktur ayat. Walau bagaimanapun, Ramli Salleh menyatakan bahawa "ada"(+lah) boleh di-gugurkan menjadikan struktur berikut:

3. a. Mary pandai.
- b. Mary seorang murid.

Penyataan Ramli Salleh didukung oleh Mashudi (1981) dengan menyatakan bahawa kategori "ada" mempunyai semantik: (1) penyataan milik secara dasarnya sama seperti kategori *has, have*; (b) penyataan kopula (pemeri), dan (c) penyataan kewujudan. Penghilangan "ada"(lah) dalam (3) tersebut menunjukkan bahawa kategori "ada" termasuk dalam semantik (b), iaitu kopulatif,¹ manakala kategori "ada" dalam struktur (4) berikut menyatakan kewujudan.

4. Mary ada sebuah rumah.

Kepelbagaiannya tanggapan serta makna yang ditimbulkan oleh kategori "ada" berdasarkan pandangan ahli bahasa mendorong penulisan makalah ini. Oleh itu, penghalusan analisis kategori "ada" dilakukan berdasarkan kerangka kerja struktur semantik Jackendoff (1993).

DASAR TEORI

Teori yang digunakan bagi penganalisisan subkategori "ada" ialah teori struktur konseptual leksikal (SKL) Jackendoff (1993).² Teori ini menjelaskan bahawa struktur semantik bagi struktur ayat ditentukan oleh konstituen konseptual, dan masing-masing berdasarkan kategori utama dalam struktur frasa, iaitu frasa kerja (FKj), frasa nama (FN), frasa sifatan (FSif), dan frasa sendi nama (FSN). Setiap kategori utama tersebut

dihubungkan dengan semantik ujaran, iaitu kategori konseptual yang terdiri daripada benda, tempat, peristiwa, hala, keadaan, jumlah, milik, dan sikap (Jackendoff, 1993:43).

Hubungan antara semantik dengan struktur sintaksis ditentukan oleh konvensi penanda. Misalnya penanda bagi benda dan jumlah ialah FN; tempat dan hala ialah FSN; Milk ialah FSif; peristiwa dan keadaan ialah penyataan keseluruhan ayat dan dikerangkakan oleh kategori kerja. Misalnya struktur (1) berikut menyatakan hubungan tersebut.

5. a. $[_s [_{FN} \text{Ali}] [_{FKj} \text{berlari} [_{FSN} \text{ke} [_{FN} \text{bilik air}]]]]]$.
- b. $\left[\begin{array}{l} \text{Gerak} ([_{Benda} \text{a Ali}], [_{Hala} \text{ke} [_{Benda} \text{bilik air}]]]) \\ \text{Peristiwa} [\text{Sikap}] \end{array} \right]$

5b ialah struktur konseptual berdasarkan struktur frasa (5a). Kategori “Ali” dan “bilik air” terdiri daripada FN dan masing-masing mempunyai hubungan dengan konstituen konseptual seperti yang berikut: $[_{Benda} \text{Ali}]$ dan $[_{Benda} \text{bilik air}]$. FSN “ke bilik air” pula mempunyai hubungan berikut: $[_{Hala} \text{ke} [_{Benda} \text{bilik air}]]$, manakala ayat pula mempunyai hubungan langsung dengan struktur semantik secara keseluruhan yang menyatakan peristiwa.

Pemerincian subkategori “ke” adalah seperti yang berikut:

6. $\left[\begin{array}{l} \text{ke} \\ -Kj, \quad -N \\ [\quad \text{FN}_j] \\ [_{Hala} \text{KE} [_{Tempat} [Benda_j]]] \end{array} \right]$

Penanda $_j$ menunjukkan objek bagi FSN yang terdiri daripada FN. Subkategori ke ialah KSN dan sesudahnya dihadiri oleh objek yang ditandai dengan $_j$ terdiri daripada FN. Struktur konseptual KSN “ke” ialah hala, tempat, dan benda. Ketiga-tiga struktur konseptual tersebut merupakan argumen yang terdapat pada FSN “ke bilik air”.

Berikut ialah penghalusan fungsi semantik kategori “berlari”.


7. $\left[\begin{array}{l} \text{berlari} \\ +Kj, \quad -N \\ [\quad \text{FSN}_j] \\ \text{Gerak} ([_{Benda}^j], [_{Hala} \text{ke} [_{Tempat} \text{bilik air} [_{Benda}^j]]]) \\ \text{Peristiwa} [\text{Sikap}] \end{array} \right]$

Kedudukan argumen yang ditandai dengan $_j$ adalah tertambat pada

penanda yang berada pada subjek, iaitu Ali, manakala penanda tertambat pada FSN, iaitu "ke bilik air". Walau bagaimanapun, struktur konseptual bagi kategori "berlari" iaitu "benda" dan "hala" secara langsung dihubungkan dengan pernyataan keseluruhan ayat, iaitu "peristiwa" yang diikuti oleh "gerak" dan disertakan dengan "sikap".

Walaupun dalam struktur ayat (5) tidak dinyatakan "masuk", namun berlari "ke bilik air" menunjukkan "masuk ke bilik air". Oleh itu, masukan leksikal dan fungsi semantik bagi kategori "masuk" pula adalah seperti yang berikut:

masuk



Oleh itu, struktur semantik bagi "Ali masuk ke bilik air" adalah sama dengan "Ali berlari ke bilik air". Masing-masing kategori "berlari" dan "masuk" ialah kata kerja tidak transitif dan diikuti oleh FSN.

Jackendoff (1993) menyatakan bahawa pendefinisan fungsi tematik adalah tertera dalam struktur konseptual. Oleh itu, fungsi tematik digunakan bagi pembentukan struktur konseptual dan sekali gus pemerincian argumen dalam struktur ayat.

DATA

Beberapa data³ dipilih, iaitu (i) Ali ada; (ii) Ali ada buku, (iii) Ali ada di bilik, dan (iv) Ada Ali di sebalik tabir berbanding dengan ADA udang di sebalik batu. Data (i) menyatakan Ali ada bukan Ali tiada; data (ii) "Ali ada buku" menyatakan "Ali mempunyai buku". Za'ba (1958:105) menjelaskan bahawa kategori "ada" ialah kategori kata kerja transitif; manakala data (iii) "Ali ada di bilik" menunjukkan kategori "ada" ialah kategori kata kerja tidak transitif (Za'ba, 1958:105), dan data (iv) "Ada Ali di sebalik tabir" bukan "Ada udang di sebalik batu". Struktur "Ada udang di sebalik batu" memungkinkan dwimakna, iaitu (a) menyatakan makna perumpamaan, manakala makna (b) seperti termilik pada makna "Ada Ali di sebalik tabir". Oleh itu, makna (b) dipilih untuk dianalisis, oleh sebab penganalisisan "ada" dalam makna (b) berdasarkan struktur konseptual.

ANALISIS

Keempat-empat struktur tersebut ditulis semula seperti yang berikut:

9. a. [____]: Ali ada
- b. [____]: Ali ada buku
- c. [____]: Ali ada di bilik
- d. [____]: Ada Ali di sebalik tabir.

Struktur 9a, 9b, 9c dan 9d tersebut mungkin dapat dikerangkakan seperti yang berikut:

10. a. [____ (FSN)]
- b. [____ (FN) (FSN)]
- c. [____ (α FK_j)]

Dalam kerangka (10a) kategori “ada” dinyatakan sebagai kategori kata kerja tidak transitif, dan boleh diikuti oleh FSN, misalnya “Ali ada” di bilik; “Ali ada” di kedai dan sebagainya. Kerangka (10b) pula menyatakan bahawa kategori “ada” juga ialah kategori kata kerja tidak transitif yang diikuti oleh penerang, iaitu “buku”; dan memungkinkan FSN hadir sesudahnya. Misalnya “Ali ada buku di tangan”; manakala dalam kerangka (10c) “Ada” diikuti oleh FN (FSN). Frasa sendi nama dihadirkan sesudah FN, iaitu Ali. Tanda α digunakan sebelum kategori “ada” bagi menyatakan bahawa struktur “Ada Ali di sebalik tabir” terkeluar daripada penetapan pola ayat bahasa Melayu yang biasa (Nik Safiah Karim, 1995:326). Walau bagaimanapun, struktur yang dimulai dengan “ada” dalam (10b) mempunyai penanda pada α_j iaitu α_j . Oleh sebab kedua-dua kerangka tersebut menyatakan kategori kata kerja yang sama, maka kerangka (10) boleh digabungkan menjadi:

11. [____ $\left[\begin{matrix} \text{FSN} \\ \text{FN} \end{matrix} \right]$]

Perhatikan struktur 9b dan 9c. Masing-masing boleh diletakkan dengan FSN dan FN.

12. α Ada $\left[\begin{matrix} \text{pada rumah} \\ \text{di sekolah} \\ \text{dengan Ahmad} \\ \text{buku} \\ \text{makanan} \\ \text{udang} \end{matrix} \right]$

Gabungan yang dilakukan terhadap (10) membentuk (11) menunjukkan bahawa kategori "ada" mempunyai struktur semantik yang sama. Tanda dalam (12) yang berada sebelum kategori "ada" ialah entiti benda yang berada dalam keadaan. Masukkan leksikal bagi kategori "ada" adalah seperti yang berikut:

- 13.
- | | |
|---|----|
| ADA | |
| +K _{j1} | -N |
| i. [__ <FN _i >] | |
| Keadaan diam (i ₁ [Tempat di [Benda kedai ₁]]) | |
| ii. [__ <a _i >] | |
| Keadaan diam (i ₁ [Benda Ali ₁ [Tempat [Benda]]]) | |

Kategori "Ada" ialah Kj bukan N. Pada (13i) "ada" tertambat dengan FN yang ditandai dengan i₁ iaitu "benda" yang berada dalam keadaan diam di tempat, manakala pada (13ii) "ada" tertambat dengan tanda a. Tanda tersebut menyatakan entiti benda yang diletakkan di hadapan kategori "ada" seperti yang terlihat pada struktur (9d). Struktur konseptual kategori "ada" ialah pernyataan keadaan yang diam, iaitu entiti yang berada pada FN dan berada dalam keadaan diam. Hierarki struktur semantik "ada" terdiri daripada benda, tempat (hala), diam. Walaupun terdapat argumen hala yang disisipkan bersama-sama tempat dan diletakkan dalam tanda (...), namun argumen hala tersebut ter dorong ke tepi dan memberi tempat pada kedudukan/tempat. Kemasukan argumen hala untuk tujuan tersebut boleh dikerangkakan seperti dalam 14.

- 14.
- | | |
|--|----|
| Ada | |
| +K _{j1} | -N |
| a. [__ <FN _i >] | |
| Keadaan diam (i ₁ [Tempat di [Benda kedai ₁]])
(Tempat/Hala) | |
| b. [__ <a _i >] | |
| Keadaan diam (i ₁ [Benda Ali ₁ [Tempat [Benda]]])
(Tempat/Hala) | |

Walaupun pernyataan "di kedai" lebih menjuruskan tempat, namun FSN "di" lebih menunjukkan hala/arrah daripada "tempat". Oleh itu, kemasukan argumen hala/arrah dalam (14a) memusatkan pengarahan pada tempat.

Berdasarkan struktur semantik kategori “ada”, iaitu benda, tempat (hala), dan masing-masing dikerangkakan dalam keadaan yang diam, maka hubungan struktur sintaksis (9d) dengan struktur semantik adalah seperti dalam 15.

15. a. $[_s \alpha [_{FK} \text{ada} [\alpha \text{Ali} [_{FSN} \text{di} [_{FN} \text{sebalik tabir }]]]]]$
b. $[_{\text{Keadaan}} \text{diam} ([_{\text{Benda}} \text{Ali}], [_{\text{Tempat}} \text{Di} [_{\text{Benda}} \text{sebalik tabir}]]])]$

Tanda α ialah entiti benda yang didepankan yang menjadi tema dalam struktur. Oleh itu, α ialah tanda yang diisi oleh Ali, oleh sebab yang berada dalam keadaan diam ialah Ali (benda)-tema. Sehubungan itu, struktur (15a) mempunyai persamaan dengan struktur (16a) berikut, oleh sebab struktur argumen dalam (15b) mempunyai persamaan dengan (16b).

16. a. $[_s [_{FN} \text{Ali} [_{FK} \text{ada} [_{FSN} \text{di} [_{FN} \text{sebalik tabir }]]]]]$
b. $[_{\text{Keadaan}} \text{diam} ([_{\text{Benda}} \text{Ali}], [_{\text{Tempat}} \text{di} [_{\text{Benda}} \text{sebalik tabir}]]])]$

PERINCIAN BERHUBUNG DENGAN KATEGORI ADA

Setelah kategori “ada” diimbuhkan dengan imbuhan *ber+*, *me+* dan *me+...+kan* dan membentuk kategori “berada, mengada-ada” dan “meng-adakan”, maka ketiga-tiga struktur dapat digambarkan seperti yang berikut:

17. a. $[_s [_{FN} \text{Ali} [_{FK} \text{berada} [_{FSN} \text{di sekolah}]]]]]$
b. $[_{\text{Keadaan}} \text{Diam} ([_{\text{Benda}} \text{Ali}], [_{\text{Tempat}} \text{di} [_{\text{Benda}} \text{sekolah}]]])]$
c. $[_s [_{FN} \text{Ali} [_{FK} \text{mengada-ada}]]]]$
d. $[_{\text{Peristiwa}} \text{Gerak} ([_{\text{Benda}} \text{Ali}], [_{\text{Sikap}}])]]$
e. $[_s [_{FN} \text{Ali} [_{FK} \text{mengada-ada} [_{FN} \text{hadiah}]]]]]$
f. $[_{\text{Peristiwa}} \text{Sebab-akibat} ([_{\text{Benda}} \text{Ali}], [_{\text{Peristiwa}} \text{Gerak} ([_{\text{Benda}} \text{Hadiah} [_{\text{Hala}} ([_{\text{Tempat}}])]])])]$

Struktur sintaksis yang diperlihatkan dalam 17a, 17cdan 17e mempunyai hubungan dengan struktur semantik dalam 17b, 17d dan 17f. Terdapat dua argumen dalam struktur (17b), iaitu benda dan tempat; dua argumen juga dalam struktur (17d), iaitu benda dan sikap, dan tiga argumen dalam struktur (17f), iaitu benda, hala dan tempat. Jumlah dan jenis argumen yang terdapat dalam struktur (17b) mempunyai persamaan dengan jumlah dan jenis argumen yang terdapat pada struktur yang menggunakan kategori “ada” iaitu benda dan tempat. Oleh itu, persamaan jumlah dan jenis argumen tersebut memerlukan perincian masukan leksikal dan fungsi semantik

kategori "berada" yang menjadi kerangka dalam struktur (17b).

18.
$$\left[\begin{array}{l} \text{berada} \\ +\text{Kj}, -\text{N} \\ [__ <\text{FSN}_j>] \\ \text{Keadaan diam } [_{\text{Tempat}} \text{ di } [_{\text{Benda}} \text{ sekolah}]] \end{array} \right]$$

Kategori "berada" tidak boleh diikuti oleh FN, manakala kategori "ada" boleh diikuti oleh FN. Oleh itu, struktur (9b) tidak boleh digantikan dengan kerangka "berada" seperti yang berikut:

19. *Ali berada buku.

Struktur (9a, 9c,dan 9d) boleh digantikan dengan kategori "berada", membentuk struktur berikut:

20. a. Ali berada⁴(?)
 b. Ali berada di bilik
 c. Berada Ali di sebalik tabir⁵

Argumen yang terdapat pada struktur (17c) pula mempunyai perbezaan dengan argumen yang terdapat pada struktur (17b). Kategori "mengada-ada" menyatakan argumen sikap pada entiti benda. Penampilan sikap dihubungkan dengan situasi serta kedudukan entiti benda. Justeru, perilaku yang ditunjukkan oleh kategori tersebut ialah peristiwa yang diikuti oleh gerak, dan sekali gus bertindak sebagai kerangka bagi keseluruhan struktur. Sehubungan itu, kategori "mengada-ada" dalam struktur (17c) tidak boleh digantikan dengan kategori "ada" dalam struktur (17a). Penghalusan argumen bagi kategori "mengada-ada" adalah seperti dalam 21.

21.
$$\left[\begin{array}{l} \text{mengada-ada} \\ +\text{Kj}, -\text{N} \\ [__ <(\text{FSN}_j)>] \\ \text{Peristiwa gerak } [_{\text{Tempat}} \text{ Situasi... }] \end{array} \right]$$

FSN yang ditandai dengan j, menunjukkan penambatan kategori tersebut dengan argumen tempat, iaitu perilaku yang diperlihatkan oleh argumen "benda", iaitu Ali. Cetusan "sikap" juga ditentukan oleh "situasi" yang terikat dengan "tempat". "Peristiwa" yang diikuti oleh "gerak" entiti benda

tertambat pada tempat dan situasi. Oleh itu, struktur argumen pada kategori “mengada-ada” ialah benda dan sikap_[Tempat Situasi]

Argumen yang terdapat dalam struktur (17e) pula ialah benda, hala dan tempat. Walaupun kerangka dasar bagi pembentukan struktur tersebut ialah peristiwa dan gerak, namun kategori “mengada-ada” memerlukan sebab-akibat. Oleh itu, masukan leksikal “mengada-ada” adalah seperti yang berikut:

22. mengadakan

+Kj, -N
[___,(FN_j)>]
[_{Peristiwa} sebab-akibat-gerak [_{Benda} hadiah
[_{Hala} (_{Tempat} D)])]

Walaupun kategori “mengada-ada” dan “mengadakan” mempunyai dasar “ada”, namun pengimbuhan yang hadir bersama-sama “ada” menghadirkan argumen yang berbeza. Berbeza dengan kategori “berada”, argumen yang terhasil daripada kategori tersebut mempunyai persamaan dengan kategori “ada”, oleh sebab kerangka struktur daripada kategori tersebut ialah keadaan dan diam. Kenyataan ini mengukuhkan pendapat Hollander (1984:77) yang menjelaskan bahawa penempatan imbuhan *beR+* pada kategori dasar membentuk kategori keadaan (sama ada keadaan diam atau bergerak).⁶

STRUKTUR ARGUMEN KATEGORI “ADA”

Kehadiran argumen pada masukan leksikal “ada” ialah benda, tempat, hala dengan dikerangkakan oleh keadaan yang menyatakan diam. Urutan argumen tersebut ditentukan oleh konstituen konseptual yang berlandaskan kategori utama dalam struktur frasa. Tanda dalam struktur (12) ialah argumen benda yang hadir sebelum “ada”. Walaupun dalam struktur (9d) fungsi subjek ditiadakan, namun berdasarkan struktur argumen entiti benda tetap wujud, sebab “ada” memiliki sesuatu yang menjadi “ada”. Kenyataan ini sesuai dengan pandangan Sato Hirobumi (1997: 101). Beliau menjelaskan bahawa subjek dalam bahasa Melayu berfungsi menjelaskan makna ayat dalam wacana. Subjek dan predikat diperlakukan sebagai satuan sintaksis bertujuan membentuk inti ayat. Berdasarkan struktur, ayat mesti mempunyai subjek dan predikat.

Struktur argumen bagi kategori “ada” berdasarkan frasa inti, iaitu N,

Kj, dan SN. Walaupun daripada struktur luar (9d) tidak dinyatakan N, namun dalam struktur dalam, sesuatu yang ada ialah benda. Oleh itu, N = benda, Kj = keadaan diam dan SN = tempat (Hala)- benda.

KESIMPULAN

Analisis yang dilakukan terhadap kategori "ada" menunjukkan bahawa: "ada" ialah kategori kata kerja keadaan, "ada" menyatakan keadaan diam. "ada" mempunyai dua argumen, iaitu [benda], [tempat (hala)]. Struktur [_{Keadaan-Diam}"ada" [_{Benda}Ali [_{Tempat/Hala}di [_{Benda}Sebalik tabir]]]] adalah berasal daripada [_{Benda}Ali [_{Keadaan-Diam}"ada" [_{Tempat-hala}di [_{Benda}sebalik tabir]]]]. Struktur argumen yang termilik pada kategori "ada" adalah sama dengan pada kategori "berada". Oleh itu, Ali "ada" = Ali berada. Argumen pada kategori "mengadakan" ialah [_{Peristiwa}gerak^{Sebab-akibat} [_{Benda}..] [_{Tempat}[_{Benda}]]], manakala argumen pada kategori "mengada-ada" ialah [_{Peristiwa}gerak, [_{Benda} [_{Tempat}]]]. Berdasarkan struktur, "ada" ialah kategori tidak tetap, manakala kategori "mengadakan" dan "mengada-ada" ialah kategori tetap.⁷

NOTA

- 1 Menurut Ramlie Salleh (1995:22) kopulatif "ada" lazimnya digugurkan pada struktur-L dalam struktur seperti FN – FN dan struktur FN – FSif.
- 2 Teori struktur konseptual dianggap selari sepenuhnya dengan teori struktur sintaksis atau struktur fonologi. Pengiraan inferens, umpamanya pengiraan *thyme* dalam fonologi adalah sesuatu yang dalam urusan tuan punya badan.
- 3 Data yang dipilih ialah data rambang yang diambil daripada novel dan akhbar yang dibaca tanpa catatan khusus. Kepelbagaiannya yang terkutip diklasifikasikan kepada empat, iaitu (a) Ali ada, (b) Ali ada buku, (c) Ali ada di bilik, dan (d) Ada Ali di sebalik tabir.
- 4 Berdasarkan struktur luar, struktur "Ali berada" dianggap tidak gramatis, kerana penyataan tempat dengan ketentuan oleh FSN dihilangkan. Masukan leksikal bagi kategori "berada" pada struktur dalam sudah menunjukkan penyataan tempat. Entiti benda yang berada mestilah di tempat. Oleh itu, struktur "Ali berada" boleh diterima sebagai struktur yang gramatis walaupun entiti tempat dinyatakan dalam struktur luar.
- 5 Struktur (a) "Berada Ali di sebalik tabir" mempunyai persamaan dengan (b) "Ada Ali di sebalik tabir". Argumen yang tercatat pada (a) dan (b) tersebut

ialah benda dan tempat dengan dikerangkakan oleh keadaan diam. Oleh itu, struktur (a) dan (b) mempunyai struktur argumen yang sama dengan (c) Ali berada di sebalik tabir, dan (d) Ali ada di sebalik tabir. Oleh itu, (a) + (b) = (c) + (d).

- 6 Kategori yang menyatakan keadaan terdiri kepada dua, iaitu (a) keadaan diam, (b) keadaan gerak. Kategori berjalan, bermain, berlari, berdiri menyatakan keadaan gerak. Hollander (1984: 77) menyatakan bahawa kategori keadaan mengungkapkan aksiden yang disifatkan kepada sesuatu subjek, tetapi bukan kerana digerakkan oleh subjek ini melainkan terkena secara kebetulan atau dengan sendirinya.
- 7 Kategori tetap ialah kategori yang mempunyai keseragaman dari segi struktur. Misalnya kategori “mengadakan” memerlukan FNO. Keseragaman ini merupakan ketetapan yang perlu ada pada kategori tersebut. Kategori tidak tetap pula ialah sejenis kategori yang tidak seragam dari segi struktur. Misalnya kategori “ada”. Struktur ayat berikut memperlihatkan ketidakseragaman tersebut: (a) Ali “ada buku”. (b) Ali “ada” di bilik, (c) Ada Ali di sebalik tabir. Menurut Za’ba (1958:105) kategori “ada” dalam (a) ialah transitif, iaitu memerlukan FNO, iaitu buku, manakala kategori “ada” dalam (b) pula ialah kategori kata kerja tidak transitif. Walaupun ketidakseragaman struktur luar wujud, namun argumen dalam struktur tetap seragam. Hal ini menunjukkan bahawa struktur (c) mempunyai persamaan dengan struktur argumen (a) dan (b). Oleh itu, struktur ayat (c) adalah berasal daripada ayat berikut: “Ali ada di sebalik “tabir”.

RUJUKAN

- De Hollander, J.J., 1984. *Pedoman Bahasa dan Sastera Melayu*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Jackendoff, Ray, 1993. *Structure Semantic*. Massachusetts: The MIT Press.
- Jackendoff, Ray, 1993. *Language of The Mind: Essays on Mental Representation*. Massachusetts: The MIT Press.
- Mashudi Kader, 1981. *The Syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Azemi Mohd. Yusoff, 1998a. “Kata Kerja Bahasa Melayu: Analisis Hubungan Struktur dengan Makna” (tesis M.A., yang belum diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Azemi Mohd. Yusoff, 1998b. “Pemusatan Makna Ayat pada Kelompok Kata Inti” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:1.
- Mohd. Azemi Mohd. Yusoff, 1999. “Makna Kata Kerja dalam Binaan Ayat: Satu Analisis” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 43:1.
- Mohd. Azemi Mohd. Yusoff, 2001. “Struktur Semantik Kategori Pemer

Berdasarkan Struktur Konseptual Leksikal”. Kertas yang dibentangkan pada Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan, Besut, Terengganu 7 Ogos 2001).

- Nik Safiah Karim *et al.*, 1995. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Salleh, 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah, 1997. *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah: Suatu Pandangan dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za’ba, 1985. *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

. .L